

Pemimpin BN patut bersatu selesaikan ma

u.m 21/06/02 M/S 10

Oleh **AZMAN ANUAR**
(WARTAWAN UTUSAN)

BARANGKALI kalangan pemimpin terlupa pepatah Melayu yang menyebut 'bersatu kita teguh bercerai kita roboh.' Pepatah ini mengandungi unsur nasihat supaya kita bermuafakat dalam menangani sesuatu masalah.

Dengan cara ini, ia bukan sahaja akan memudahkan sesuatu penyelesaian itu dicapai sebaliknya akan menjadi perisai utuh yang dapat menangkis sebarang percubaan untuk menghancurkan sesebuah pertubuhan, kesepakatan malah menggugat kedaulatan negara.

Dalam senario yang lebih bersifat nasional, pepatah ini boleh diaplikasikan kepada ahli-ahli politik di saat barisan pemimpin negara sedang mencari jalan untuk mengatasi kemelut ekonomi yang melanda.

Rakyat kini resah gelisah dengan harga barang dan perkhidmatan yang semakin ma-

hal kesan kenaikan harga minyak. Keadaan ini ditambah pula dengan kemelut politik tanah air sejak tsunami 8 Mac lalu.

Cabaran hidup rakyat negara ini sedang memasuki kawasan 'gelora.' Tetapi, jangan kita cepat panik.

Apa juga kemelut ekonomi dan politik yang sedang kita hadapi sekarang tentu ada penawarnya. Asalkan kita tidak hilang pertimbangan.

Dalam usaha itu, kita hendaklah menaruh kepercayaan sepenuhnya kepada Perdana Menteri.

Yakinlah, beliau dengan dibantu pasukannya akhirnya berupaya mengeluarkan Malaysia daripada gangguan yang datang bagaikan pusingan roda. Akan tiba masanya ekonomi dan politik negara akan pulih.

Dalam mencari penyelesaian itu, kita tidak harus membiarkan Perdana Menteri menghadapi kemelut yang melanda seluruh dunia.

Perdana Menteri sudah menyatakan beliau tidak akan lari daripada tanggungjawab un-

tuk menyelesaikan masalah kita itu.

Seorang pemimpin bukan saja bertanggungjawab menerajui negara pada zaman mewah dan makmur semata-mata, tetapi juga pada zaman susah dan perit.

Kita tidak ada pilihan, kecuali bersama-sama beliau menangani kemelut yang sedang kita hadapi.

Kalau ada antara mereka yang pepat di luar rengcong di dalam, mereka sewajarnya menilai kehadiran dirinya dalam pasukan Barisan Nasional (BN).

Dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi, tidak ada siapa harus menjadi musuh di dalam selimut atau menjadi dalang kepada pihak-pihak tertentu untuk menjatuhkan Perdana Menteri.

Ini kerana dalam proses mencari penawar itu, ada pihak yang tidak senang dengan pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi cuba mengambil kesempatan untuk menggugat kepimpinan beliau.

Sudah ada pemimpin yang tidak segan silu

Masalah ekonomi dahulu

untuk mendesak Perdana Menteri meletakkan jawatan seolah-olah menyalahkan kemelut ekonomi dan politik yang sedang kita alami sebagai berpunca daripada Abdullah.

Soal Perdana Menteri berundur, tidak timbul kerana beliau sudah diberi mandat untuk memerintah dalam pilihan raya umum lalu. Lagipun, kita mempunyai proses dan tradisi tersendiri berkait dengan pertukaran pemimpin.

Kita harus mempunyai keyakinan untuk menyelesaikan sebarang masalah. Tidak mungkin pemimpin kita akan membiarkan apa yang telah kita bina selama ini musnah dalam sekelip mata.

Jika kita telah berjaya menghadapi pelbagai masalah yang berkaitan dengan ekonomi dan politik sebelum ini, tidak ada sebab kali ini kita harus menyerah kalah.

Perkembangan politik semasa negara sekarang memang merisaukan rakyat. Mereka tertunggu-tunggu apa akan berlaku pada masa depan politik negara.

Desakan segelintir pemimpin tertentu supaya Perdana Menteri meletakkan jawatan seolah-olah anggota parti komponen BN sudah melupakan 'ikrar' untuk bersama waktu susah atau senang dan saling bantu-membantu satu sama lain.

Dalam keadaan pemimpin negara dihimpit masalah kenaikan harga minyak yang melonjak tinggi, pemimpin BN perlu sama-sama mengeluarkan buah fikiran untuk mengatasi masalah rakyat secara bermuafakat dan bukan mengambil kesempatan membuat tuntutan dan ugutan.

Pada hemat saya, elok rakyat memberi 'isyarat' kepada pemimpin politik tertentu terutama parti komponen BN supaya jangan asyik bertelagah. Beri peluang barisan pemimpin negara mencari jalan untuk mengatasi kemelut ekonomi.

Dalam konteks sekarang, adalah lebih baik masalah ekonomi diselesaikan terlebih dahulu daripada bermain teka-teki politik yang tiada siapa dapat menjangkakan kesudahannya.